

Great Eastern Life Assurance (Malaysia) Berhad adalah ahli PIDM. PERLINDUNGAN PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA ("PIDM") UNTUK MANFAAT YANG DIBAYAR DARIPADA BAHAGIAN UNIT SIJIL/POLISI INI ADALAH TERTAKLUK KEPADA SYARAT-SYARAT TERTENTU. Sila rujuk Risalah Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans (TIPS) PIDM. atau hubungi Great Eastern Life Assurance (Malaysia) Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

Great Tenang Madani ialah pelan perlindungan kumpulan tahunan boleh diperbaharui yang menyeluruh dan mampu milik (6-dalam-1) direka khas untuk golongan B40, yang melindungi kematian, hilang upaya kekal dan menyeluruh, kemalangan diri, penyakit kritikal, faedah pendapatan hospital serta perbelanjaan pengebumian. Tempoh perlindungan adalah selama dua belas (12) bulan dan akan diperbaharui secara automatik setiap tahun tertakluk kepada pembayaran premium, sehingga umur 59 tahun pada hari lahir berikutnya.

SERENDAH RM 6.50 / BULAN

Perlindungan yang disediakan dibawah skim ini		
Manfaat	Jumlah Perlindungan	
	Premium dari RM6.50 / bulan	Premium dari RM9.50 / bulan
45 Penyakit Kritikal*	RM20,000	RM30,000
Kematian (disebabkan penyakit atau sebab semula jadi)	RM20,000	RM30,000
Kematian disebabkan kemalangan	RM40,000	RM60,000
Hilang Upaya Kekal dan Menyeluruh (disebabkan oleh penyakit)	RM20,000	RM30,000
Hilang Upaya Kekal dan Menyeluruh (disebabkan oleh kemalangan)	RM40,000	RM60,000
Manfaat Pendapatan Harian Kemasukan ke Hospital	RM20/day RM20/hari	RM30/day RM30/hari
Perbelanjaan Pengebumian	RM5,000	RM5,000

*Istilah "Penyakit Kritikal" hendaklah mempunyai maksud yang sama seperti istilah "Peristiwa Dilindungi" dalam kontrak polisi induk.

Jumlah Perlindungan: RM20,000

Umur Pada Hari Lahir Berikutnya	Premium Bulanan (RM)	Premium Tahunan (RM)
18 - 29	6.50	78.00
30 - 39	9.00	108.00
40 - 49	19.50	234.00
50 - 59	43.50	522.00

Jumlah Perlindungan: RM30,000

Umur Pada Hari Lahir Berikutnya	Premium Bulanan (RM)	Premium Tahunan (RM)
18 - 29	9.50	114.00
30 - 39	13.50	162.00
40 - 49	29.00	348.00
50 - 59	65.00	780.00

Premium akan dikenakan berdasarkan umur yang dilindungi pada hari lahir berikutnya semasa pembaharuan. Kadar sumbangan tidak dijamin dan boleh disemak dari semasa ke semasa. Sekiranya terdapat semakan kenaikan sumbangan, ia akan dibuat pada ulang tahun sijil dan Syarikat akan memaklumkan kepada anda secara bertulis sekurang-kurangnya sembilan puluh (90) hari sebelum semakan tersebut berkuat kuasa.

Nota: Terma dan syarat terpakai.

KELEBIHAN PELAN INI

- Produk ini ialah produk Perlindungan Tenang dan orang yang diinsuranskan layak untuk penebusan Baucar Perlindungan Tenang, tertakluk kepada kelayakan dan ketersediaan.
- Produk ini ialah Tawaran Pengeluaran Diperudahkan (Simplified Issuance Offer, SIO). Permohonan mudah dengan empat (4) soalan berkaitan kesihatan tanpa perlu menjalani pemeriksaan perubatan. Semua permohonan insurans tertakluk kepada penilaian dan penerimaan oleh Great Eastern Life.
- Premium mampu milik dengan perlindungan yang menyeluruh.
- Pemotongan premium automatik melalui auto debit, kad kredit, kad debit, potongan gaji atau JomPAY bagi memastikan perlindungan berterusan.

Nota: Terma dan syarat dikenakan.

KELAYAKAN & PENYERTAAN

- Ahli dan pasangan sah mereka yang berumur antara lapan belas (18) hingga lima puluh sembilan (59) tahun pada hari lahir berikutnya.

Perhatian: Tetakluk pada Terma dan Syarat.

45 CRITICAL ILLNESSES

1. Serangan Jantung – tahap keterukan yang ditetapkan 2. Angin Ahmar – menyebabkan defisit neurologi kekal dengan simptom klinikal yang berterusan 3. Pembedahan Pintasan Arteri Koronari 4. Kanser – tahap keterukan yang ditetapkan dan tidak meliputi kanser peringkat awal 5. Kegagalan Buah Pinggang – memerlukan dialisis atau pemindahan buah pinggang 6. Hepatitis Virus Fulminan 7. Pemindahan Organ Utama / Sumsum Tulang 8. Lumpuh Anggota Badan 9. Sklerosis Berbilang 10. Hipertensi Arteri Pulmonari Primer – tahap keterukan yang ditetapkan 11. Buta – Kekal dan Tidak Boleh Dipulihkan 12. Pembedahan Injap Jantung 13. Pekak – Kekal dan Tidak Boleh Dipulihkan 14. Pembedahan Ke Atas Aorta 15. Kehilangan Pertuturan 16. Penyakit Alzheimer / Demensia Teruk	17. Luka Melecur Darjah Ketiga – tahap keterukan yang ditetapkan 18. Koma – menyebabkan defisit neurologi kekal dengan simptom klinikal yang berterusan 19. Kardiomiopati – tahap keterukan yang ditetapkan 20. Penyakit Neuron Motor – defisit neurologi kekal dengan simptom klinikal yang berterusan 21. Jangkitan HIV Disebabkan oleh Pemindahan Darah 22. Penyakit Parkinson – menyebabkan ketidakupayaan kekal untuk melakukan Aktiviti Kehidupan Harian 23. Kegagalan Hati Peringkat Akhir 24. Penyakit Paru-Paru Peringkat Akhir 25. Kecederaan Kepala Teruk – menyebabkan ketidakupayaan kekal untuk melakukan Aktiviti Kehidupan Harian 26. Anemia Aplastik Kronik – menyebabkan Kegagalan Sumsum Tulang Kekal 27. Distrofi Otot 28. Tumor Otak Benigna – tahap keterukan yang ditetapkan 29. Ensefalitis – menyebabkan ketidakupayaan kekal untuk melakukan Aktiviti Kehidupan Harian	30. Angioplasti dan rawatan invasif lain untuk penyakit arteri koronari* 31. Pembedahan Otak 32. Meningitis Bakteria – menyebabkan ketidakupayaan kekal untuk melakukan Aktiviti Kehidupan Harian 33. Penyakit Arteri Koronari Serius 34. Kehilangan Keupayaan Hidup Berdikari 35. Lupus Eritematosus Sistemik dengan Komplikasi Buah Pinggang yang Teruk 36. AIDS Tahap Lanjutan 37. Penyakit Sistik Medulari 38. Jangkitan Virus Imunodefisiensi Manusia (HIV) yang Diperoleh Secara Pekerjaan 39. Penyakit Terminal 40. Sindrom Apalik (iaitu Keadaan Vegetatif Kekal (PVS)) 41. Poliomielitis 42. Skleroderma Progresif 43. Pankreatitis Kronik Berulang 44. Elefantiasis 45. Penyakit Creutzfeldt-Jakob (Penyakit Lembu Gila)
Perhatian: * Selepas tuntutan bagi Angioplasti & Rawatan Invasif Lain untuk Penyakit Arteri Koronari dibuat, Jumlah Diinsuranskan Asas akan dikurangkan sewajarnya. Jika Jumlah Diinsuranskan Asas yang dikurangkan menjadi sifar, Perlindungan ini akan ditamatkan. Walau bagaimanapun, premium akan kekal tidak berubah. Faedah ini tertakluk kepada had sebanyak RM1,000,000 di bawah polisi ini dan semua polisi berkumpulan lain yang tidak berkaitan dengan kredit (termasuk kontrak tambahan dan pengendorsan, jika ada) yang dikeluarkan oleh Syarikat dengan apa jua nama atau penerangan yang menyediakan faedah Penyakit Kritikal atau faedah seumpamanya ke atas hayat yang diinsuranskan yang sama. Takrifan penuh Penyakit Kritikal seperti yang dinyatakan dalam kontrak polisi induk perlu dipenuhi sebelum sebarang tuntutan bagi 45 Penyakit Kritikal boleh dibayar.		

Perhatian: Tertakluk pada Terma dan Syarat.

JADUAL PAMPASAN

Section A	% Jumlah Perlindungan
1.) Kematian	100%
Section B	% Jumlah Perlindungan
1.) Kehilangan kedua belah tangan	100%
2.) Kehilangan kedua belah kaki	100%
3.) Kehilangan penglihatan di kedua belah mata secara penuh dan tidak dapat dipulihkan	100%
4.) Kehilangan satu tangan dan satu kaki	100%
5.) Kecederaan menyebabkan terlantar di katil secara kekal	100%
6.) Mana-mana kecederaan lain yang mengakibatkan ketidakupayaan menyeluruh kekal	100%
7.) Kelumpuhan penuh yang tidak boleh disembuhkan	100%
Bagi kecederaan lain yang tidak disenaraikan di atas, pampasan akan dibayar secara berkadar mengikut kerugian yang ditanggung seperti yang dinyatakan dalam Polisi Induk. Walau bagaimanapun, jumlah keseluruhan yang boleh dibayar tidak akan melebihi 100% daripada jumlah diinsuranskan.	

Perhatian: Tertakluk pada Terma dan Syarat.

FAEDAH LAIN SKIM INI

Kematian

Apabila berlaku kematian (akibat penyakit atau sebab semula jadi), anda akan menerima Jumlah Diinsuranskan Asas dalam bentuk sekaligus.

Perhatian: Tertakluk pada Terma dan Syarat.

Ketidakupayaan Kekal Menyeluruh (TPD)

Jika berlaku TPD, anda akan menerima Jumlah Diinsuranskan Asas mengikut peruntukan TPD dalam polisi anda. TPD mesti disahkan oleh pengamal perubatan berdaftar yang dilantik oleh Syarikat, dan telah berterusan sekurang-kurangnya enam (6) bulan dari tarikh ketidakupayaan.

Perhatian: Tertakluk pada Terma dan Syarat.

Perbelanjaan Pengkebumian

Faedah ini dibayar sebagai tambahan kepada Faedah Kematian.

Perhatian: Tertakluk pada Terma dan Syarat.

Faedah Pendapatan Penghospitalan

Jika Hayat yang Diinsuranskan dimasukkan ke hospital kerajaan atau swasta berdaftar di Malaysia, Brunei, atau Singapura akibat sebarang penyakit selepas tiga puluh (30) hari dari tarikh permulaan risiko perlindungan atau akibat sebarang kecederaan atau kemalangan semasa tempoh perlindungan, Hayat yang Diinsuranskan layak menerima elaun penghospitalan sehingga maksimum lima ratus (500) hari sepanjang hayat. Walau bagaimanapun, faedah ini tidak dibayar untuk penghospitalan akibat penyakit sedia ada sebelum polisi.

Perhatian: Tertakluk pada Terma dan Syarat.

Nilai Penebusan

Pelan ini tidak mempunyai nilai penebusan. Hayat yang diinsuranskan tidak berhak untuk mendapat bayaran balik premium bagi pembatalan selepas tempoh semakan percuma lima belas (15) hari dan akan terus dilindungi sepanjang baki tempoh perlindungan.

Perhatian: Tertakluk pada Terma dan Syarat.

PENGEQUALIAN

KEMATIAN¹

- Bunuh diri dalam tempoh satu (1) tahun dari tarikh permulaan risiko perlindungan.

KETIDAKUPAYAAN MENYELURUH DAN KEKAL¹ / KEMALANGAN PERIBADI¹

- Wujud sebelum tarikh permulaan risiko perlindungan.
- Disebabkan oleh melakukan, cuba melakukan atau mencetuskan serangan atau jenayah berat atau daripada sebarang pelanggaran undang-undang.
- Disebabkan kecederaan yang dilakukan sendiri sama ada waras atau tidak waras.
- Disebabkan aktiviti terjun payung atau skydiving atau penerbangan udara.
- Disebabkan Hayat yang Diinsuranskan memandu kenderaan bermotor tanpa mempunyai lesen memandu yang sah.
- Disebabkan mencetuskan serangan, scuba-diving, atau sebarang bentuk perlumbaan (selain berjalan kaki).
- Dalam pengaruh alkohol atau dadah.
- Disebabkan peperangan, sama ada diisytiharkan atau tidak.

PENYAKIT KRITIKAL¹

- Wujud sebelum tarikh permulaan risiko perlindungan.
- Didiagnosis dalam enam puluh (60) hari pertama dari tarikh permulaan risiko.
- Disebabkan penyakit sedia ada sebelum polisi.

FAEDAH PENDAPATAN PENGHOSPITALAN¹

- Bunuh diri, cubaan bunuh diri atau kecederaan yang sengaja dilakukan sendiri sama ada waras atau tidak waras.
- Gangguan psikotik, mental atau saraf.

Perhatian:

1. Senarai ini tidak lengkap. Sila rujuk kontrak polisi induk untuk senarai penuh pengecualian di bawah pelan ini.
2. Perlindungan Hayat yang Diinsuranskan hanya berkuat kuasa setelah Syarikat menerima penerimaan bertulis terhadap perlindungan dan setelah Syarikat menerima premium pertama bagi perlindungan tersebut.
3. Tertakluk pada Terma dan syarat.

SOALAN & JAWAPAN

S: Bolehkah pasangan terus menyertai skim ini jika ahli yang diinsuranskan meninggal/menjadi cacat/didiagnosis dengan salah satu daripada 45 Penyakit Kritikal?

J: Ya. Pasangan boleh meneruskan perlindungan dan akan diperbaharui secara automatik setiap tahun tertakluk kepada pembayaran premium, sehingga umur 59 tahun pada hari jadi seterusnya.

S: Bolehkah pasangan menikmati jumlah diinsuranskan yang lebih tinggi berbanding ahli yang diinsuranskan?

J: Tidak. Jumlah diinsuranskan bagi pasangan hendaklah sama atau kurang daripada jumlah diinsuranskan ahli yang diinsuranskan.

S: Apakah yuran dan caj semasa?

J: 25% daripada premium yang dibayar adalah dibayar kepada ejen/intermediari pelan ini.

Notis Penting:

1. Great Tenang Madani adalah pelan perlindungan kumpulan tahunan yang boleh diperbaharui dan akan diperbaharui secara automatik setiap tahun tertakluk kepada pembayaran premium, sehingga umur 59 tahun pada hari jadi seterusnya.
2. Ini bukan produk yang patuh Syariah.
3. Premium perlu dibayar sehingga tamat tempoh pembayaran premium, atau sehingga kematian atau penamatan polisi, mana-mana yang berlaku dahulu. Premium akan kekal sama sepanjang tempoh pembayaran premium.
4. Anda hendaklah memastikan bahawa pelan ini sesuai dengan keperluan anda dan premium yang perlu dibayar adalah jumlah yang mampu anda bayar. Tempoh semakan percuma selama lima belas (15) hari diberikan untuk anda menilai kesesuaian pelan ini. Jika sijil perlindungan dikembalikan kepada Syarikat dalam tempoh ini, Syarikat akan memulangkan sebarang premium yang telah dibayar dan membatalkan perlindungan tersebut.
5. Nilai tunai tidak tersedia pada permulaan sijil perlindungan. Jika Hayat yang Diinsuranskan menyerahkan sijil perlindungan lebih awal, perlindungan akan terus dikuatkuasakan untuk baki tempoh perlindungan. Jika Hayat yang Diinsuranskan berhenti membayar premium, sijil perlindungan akan ditamatkan. Penghentian pembayaran premium akan menyebabkan penamatan perlindungan lebih awal.
6. Brosur ini adalah untuk maklumat am sahaja. Ia bukan kontrak insurans. Anda dinasihatkan untuk merujuk Lembaran Pendedahan Produk dan dokumen polisi contoh yang boleh diperoleh daripada pemegang polisi induk/intermediari masing-masing untuk maklumat terperinci mengenai ciri-ciri dan faedah pelan sebelum membeli pelan ini.
7. Pengecualian dan had faedah yang diketengahkan di atas tidak lengkap. Untuk maklumat lanjut, sila rujuk terma dan syarat yang dinyatakan dalam kontrak polisi induk yang dikeluarkan oleh Great Eastern Life.
8. Jika terdapat sebarang percanggahan antara versi Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia dokumen ini, versi Bahasa Inggeris adalah tertakluk.
9. Great Tenang Madani adalah pelan insurans hayat yang diterbitkan oleh Great Eastern Life Assurance (Malaysia) Berhad (198201013982(93745-A)) dan adalah pengedar produk ini.

Terma "Great Eastern Life" dan "Syarikat" merujuk kepada Great Eastern Life Assurance (Malaysia) Berhad.

Great Eastern Life Assurance (Malaysia) Berhad (198201013982(93745-A)) dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.